

DATA PRIVACY POLICY

A. MENGENAI DASAR INI

Kami komited untuk memberikan anda produk dan perkhidmatan yang profesional dan berharga sambil menjaga privasi anda.

Dasar Data Peribadi ini (juga "**Dasar**") menggariskan apabila, mengapa dan bagaimana kami mengumpul, menggunakan dan sebaliknya mengendalikan (secara kolektif "**proses**") maklumat peribadi mengenai pelanggan kami (termasuk pakar optik), pelanggan berpotensi, pengguna dan pengguna laman web kami ("**Subjek Data**"). "**Data Peribadi**" adalah apa-apa maklumat yang mengenai anda, yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda secara peribadi, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kami akan memproseskan Data Peribadi anda, seperti yang diterangkan dalam Dasar ini dan seperti yang diterangkan semasa kami mengumpul data daripada anda. Dasar kami perlu dibaca bersama dengan notis undang-undang yang lain atau terma dan syarat yang diberikan atau disediakan untuk anda semasa kami mengumpul data daripada anda (atau pada peringkat kemudian) atau yang tersedia dalam halaman-halaman lain di laman web kami.

Dalam Dasar ini,

- rujukan kepada "kami" bermaksud CooperVision Contact Lens (Malaysia) Sdn. Bhd. dan/atau Ahli Gabungan (ditakrifkan di bawah); dan
- rujukan kepada "anda" adalah Subjek Data.

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda mengakui dan bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar ini sepenuhnya, dan anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan data peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Dasar ini.

Setakat mana anda mendedahkan sebarang Data Peribadi individu yang lain kepada kami, kami akan menganggap, tanpa pengesahan bebas, bahawa anda telah mendapat persetujuan individual tersebut untuk pendedahan maklumat tersebut dan/atau data peribadi bersama dengan pemprosesan yang sama menuruti terma dasar ini.

B. SIAPAKAH YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DATA PERIBADI ANDA?

CooperVision Contact Lens (Malaysia) Sdn. Bhd. (nombor pendaftaran syarikat: 200501034103 (716244-U)) ("**CooperVision**") adalah pengguna Data Peribadi anda.

Setakat mana CooperVision berkongsi Data Peribadi dengan Ahli Gabungan Coopervision ("**Ahli Gabungan**"), yang bermaksud syarikat subsidiari kami, syarikat induk utama dan syarikat subsidiarinya), Ahli Gabungan juga merupakan pengguna data seperti yang diterangkan dalam Dasar ini. Butiran Ahli Gabungan, termasuk lokasi mereka adalah disenarikan [di sini](#).

C. APAKAH DATA PERIBADI YANG KAMI PROSES DAN MENGAPA?

Kami menyediakan satu jadual di bawah yang mengadungi senarai jenis Data Peribadi yang tidak lengkap yang kami mungkin mengumpul daripada anda, tertakluk kepada cara anda berinteraksi dengan kami (contohnya, penyertaan anda dalam mana-mana aktiviti, kempen, promosi, latihan atau webinar

atau apa-apa interaksi lain dengan kami ("**Aktiviti**")), tujuan-tujuan pemprosesan dan asas perundangan yang kami andalkan untuk memproseskan maklumat tersebut, termasuk:

Kategori Subjek Data	Jenis Maklumat	Tujuan Pemprosesan	Asas Perundangan Pemprosesan
Pelanggan (termasuk pakar optik, kakitangan runcit) dan bakal pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> • nama anda • nombor kad pengenalan / nombor pasport • bangsa, asal etnik • alamat anda (perniagaan dan/atau peribadi) • alamat e-mel anda • nombor telefon anda (perniagaan dan/atau peribadi) • tajuk jawatan, peranan anda • foto, audio-video atau rakaman suara, jika ada • rekod pembelian anda dan keperluan yang berkaitan dengan produk kami • sebarang maklumat yang tersedia di profil media sosial anda • sebarang maklumat yang tersedia kepada kami (sama ada secara langsung atau tidak langsung) semasa penyertaan anda dalam Aktiviti • akaun bank / butiran pembayaran • sebarang maklumat yang kami mungkin minta daripada anda untuk tujuan menguruskan penyertaan anda dalam Aktiviti 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengatur dan menguruskan penyertaan anda dalam sebarang Aktiviti • Untuk menguruskan hubungan anda dengan kami • Menawarkan faedah dan keistimewaan • Untuk menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin e-mel kami) berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami, jika anda telah memintanya • Untuk menghantar komunikasi komersial yang tidak berkaitan dengan pemasaran kepada anda • Pelaksanaan perjanjian dengan anda, termasuk memproses dan mengumpulkan pembayaran, menghantar invois, penyata dan peringatan pembayaran • Untuk memberi anda produk dan perkhidmatan kami • Untuk menghubungi anda atau berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai cara komunikasi seperti panggilan telephon / suara, media sosial/teks dan/ atau faks, borang, e-mel 	<ul style="list-style-type: none"> • persetujuan anda (jika diminta dan diberikan) • pelaksanaan kontrak anda dengan kami • mengambil langkah atas permintaan anda dengan tujuan untuk menandatangani kontrak dengan kami • pematuhan dengan sebarang kewajipan undang-undang • melindungi kepentingan penting anda • pentadbiran keadilan • menjalankan sebarang fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah undang-undang

		<p>dan/atau surat pos berkaitan dengan Aktiviti dan/atau produk atau perkhidmatan kami</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menjawab pertanyaan anda mengenai Aktiviti dan produk atau perkhidmatan kami • Untuk sebarang iklan, publisiti, pemasaran dan komunikasi berkaitan dengan Aktiviti • Untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada anda • Untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada anda • Untuk menjalankan proses yang berkaitan dengan Aktiviti, termasuk pengesahan identiti • Untuk rekod perniagaan dalaman kami • Untuk menyiasat sebarang aduan yang dibuat oleh anda • Tujuan penyelidikan, penanda aras dan statistik • Melakukan tinjauan yang berkaitan dengan pelanggan dan produk • Melaksanakan kewajiban yang dikenakan berdasarkan undang-undang, peraturan, panduan dan/atau pihak 	
--	--	--	--

		<p>pengawalseliaan yang berkenaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk memenuhi apa-apa tujuan yang berkaitan secara langsung dengan tujuan di atas. 	
<p>Pelanggan (termasuk penyerta dalam Aktiviti)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • nama anda • nombor kad pengenalan / nombor pasport • bangsa, asal etnik • alamat anda (perniagaan dan/atau peribadi) • alamat e-mel anda • nombor telefon anda (perniagaan dan/atau peribadi) • tajuk jawatan, peranan anda • foto, audio-video atau rakaman suara anda , jika ada • rekod pembelian anda dan keperluan yang berkaitan dengan produk kami • sebarang maklumat yang tersedia kepada kami (sama ada secara langsung atau tidak langsung) semasa penyertaan anda dalam Aktiviti • akaun bank / butiran pembayaran • sebarang maklumat yang kami mungkin akan minta daripada anda untuk tujuan menguruskan penyertaan anda dalam Aktiviti 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengatur dan menguruskan penyertaan anda dalam sebarang Aktiviti • Untuk menguruskan hubungan anda dengan kami • Menawarkan faedah dan keistimewaan • Untuk menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin e-mel kami) berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami, jika anda telah memintanya • Untuk menghantar komunikasi komersial yang tidak berkaitan dengan pemasaran kepada anda • Pelaksanaan perjanjian dengan anda, termasuk memproses dan mengumpulkan pembayaran, menghantar inouis, penyata dan peringatan pembayaran • Untuk memberi anda produk dan perkhidmatan kami • Untuk menghubungi anda atau berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai cara komunikasi seperti panggilan telephon / suara, media 	<ul style="list-style-type: none"> • persetujuan anda (jika diminta dan diberikan) • pelaksanaan kontrak anda dengan kami • mengambil langkah atas permintaan anda dengan tujuan untuk menandatangani kontrak dengan kami • pematuhan dengan sebarang kewajipan undang-undang • melindungi kepentingan penting anda • pentadbiran keadilan • menjalankan sebarang fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah undang-undang

		<p>sosial/teks dan/ atau faks, borang, e-mel dan/atau surat pos berkaitan dengan Aktiviti dan/atau produk atau perkhidmatan kami</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menjawab pertanyaan anda mengenai Aktiviti dan produk atau perkhidmatan kami • Untuk sebarang iklan, publisiti, pemasaran dan komunikasi berkaitan dengan Aktiviti • Untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada anda • Untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada anda • Untuk menjalankan proses yang berkaitan dengan Aktiviti, termasuk pengesahan identiti • Untuk rekod perniagaan dalaman kami • Untuk menyiasat sebarang aduan yang dibuat oleh anda • Tujuan penyelidikan, penanda aras dan statistik • Melakukan tinjauan yang berkaitan dengan pelanggan dan produk • Melaksanakan kewajiban yang dikenakan berdasarkan undang-undang, peraturan, 	
--	--	---	--

		<p>panduan dan/atau pihak pengawalseliaan yang berkenaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk memenuhi apa-apa tujuan yang berkaitan secara langsung dengan tujuan di atas. 	
Pengguna laman web kami	<ul style="list-style-type: none"> • kookies • alamat IP • lokasi geografi • jenis dan versi penyemak imbas • sistem operasi • maklumat mengenai lawatan anda dan penggunaan laman web kami 	<ul style="list-style-type: none"> • metadbir laman web kami • memperibadikan laman web kami • membolehkan penggunaan perkhidmatan yang tersedia di laman web kami 	<ul style="list-style-type: none"> • persetujuan anda (jika diminta dan diberikan) • pelaksanaan kontrak anda dengan kami • mengambil langkah atas permintaan anda dengan tujuan untuk menandatangani kontrak dengan kami • pematuhan dengan sebarang kewajipan undang-undang • melindungi kepentingan penting anda • pentadbiran keadilan • menjalankan sebarang fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah undang-undang

Anda adalah wajib untuk membekalkan Data Peribadi yang kami minta daripada anda. Jika anda memilih untuk tidak membekalkan Data Peribadi yang diminta oleh kami, kami mungkin tidak dapat memenuhi tujuan yang kami minta berkaitan Data Peribadi anda.

Tujuan perniagaan kami– kami juga akan menggunakan Data Peribada untuk tujuan perniagaan dalaman kami (kepentingan sah kami) seperti:

- penyimpanan rekod, analisis statistik, laporan dalaman dan tujuan penyelidikan;
- untuk menyasat sebarang aduan yang dibuat oleh anda;
- untuk memberikan bukti dalam sebarang pertikaian atau pertikaian yang dijangka antara anda dengan kami;
- untuk pengesanan dan pencegahan penipuan, pemeriksaan kredit manual (bukan automatik), kesalahan jenayah lain dan untuk tujuan pengurusan risiko;
- untuk pemulihan perniagaan dan bencana (contohnya, untuk menyediakan sandaran);

- untuk memastikan keselamatan rangkaian dan maklumat;
- untuk *host*, penyelenggara dan sebaliknya menyokong operasi laman web kami, termasuk untuk menyesuaikan pelbagai aspek laman web kami untuk meningkatkan pengalaman anda;
- untuk penyimpanan dokumen dan data;
- untuk melindungi hak, harta, dan/atau keselamatan CooperVision, mana-mana Ahli Gabungannya, kakitangannya dan lain-lain; dan
- untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh kami kepada pelanggan dan Subjek Data yang lain.

Kami percaya risiko terhadap hak perlindungan data anda sehubungan dengan Data Peribadi yang kami proses berdasarkan kepentingan sah kami adalah tidak berlebihan atau terlalu mengganggu.

Kami mungkin perlu memproses maklumat peribadi anda untuk mematuhi keperluan undang-undang, untuk membolehkan kami untuk memenuhi terma-terma kontrak yang sedia ada dengan kami atau sebagai persiapan untuk menandatangani suatu kontrak dengan anda.

D. BILAKAH KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI ANDA?

Kami mungkin menerima maklumat mengenai anda yang diberikan atau dihantar oleh anda semasa penyertaan anda dalam Aktiviti, melalui media sosial atau maklumat awam yang tersedia atau secara umum (contohnya, daripada pihak ketiga jika anda menggunakan mana-mana laman web atau media sosial yang dikendalikan oleh pihak ketiga). Selain itu, kami biasanya mengumpul Data Peribadi anda apabila anda:

- (a) mengemukakan maklumat kepada kami, termasuk melalui mesej teks dan/atau mesej media sosial atau laman web rasmi CooperVision;
- (b) mendaftar untuk langganan e-mel atau penerbitan melalui media sosial atau laman web rasmi CooperVision;
- (c) meminta perkhidmatan daripada kami;
- (d) menggunakan halaman media sosial kami atau laman web rasmi CooperVision; dan
- (e) menghubungi kami, melalui media sosial atau laman web rasmi CooperVision, atau melalui e-mel atau telefon, atau meminta kami menghubungi anda.

E. BAGAIMANAKAH DAN BILAKAH KAMI BERKONGSI DATA PERIBADI DENGAN PIHAK KETIGA?

Bahagian ini menerangkan kepada siapa kami mungkin berkongsi Data Peribadi anda.

Sesetengah produk dan/atau perkhidmatan yang kami sediakan memerlukan penglibatan pihak ketiga. Kami tidak menjual, menyewakan, mengedar atau memperdagangkan Data Peribadi secara komersial kepada mana-mana pihak ketiga, kecuali bahawa kami mungkin akan berkongsi maklumat dalam kumpulan syarikat kami, dengan pembekal perkhidmatan kami dan pihak ketiga yang lain bagi tujuan yang dinyatakan dalam Dasar ini:

a) Perkongsian data dalam kumpulan CooperVision

CooperVision mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan Ahli Gabungannya di luar negara (butiran Ahli Gabungan, termasuk lokasinya, telah disenarikan di [sini](#)).

- di mana kami perlu melakukannya untuk membekalkan produk dan/atau perkhidmatan atau maklumat yang anda telah meminta; contohnya, kami mungkin akan memindahkan Data Peribadi anda kepada CooperVision Limited di UK untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan pusat; atau
- untuk tujuan sokongan dan penyelenggaraan IT; atau
- pentadbiran dalaman; atau
- jika anda memberikan persetujuan untuk kami melakukannya (contohnya, anda telah memberi kami persetujuan untuk komunikasi pemasaran dengan Ahli Gabungan); atau
- untuk mematuhi tanggungjawab undang-undang atau peraturan kami; contohnya, kami mungkin akan memindahkan data peribadi anda kepada CooperVision Inc. di US yang merupakan *host* pangkalan data produk dan maklumat peraturan pesakit kami.

b) Perkongsian data bersama pembekal perkhidmatan

Kami juga berkongsi Data Peribadi anda bersama penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, yang dilibatkan untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan, termasuk tanpa had:

- penghantaran produk kami (contohnya, kurier);
- perkhidmatan pemasaran dan pengiklanan (contohnya, agensi pemasaran, agensi interaktif, pembekal penyelesaian e-mel);
- laman web kami (contohnya, *hosting* dan penyelenggaraan laman web kami); dan
- perkhidmatan dan penyelesaian IT (contohnya, memberikan penyimpanan data, membantu kami dengan pengurusan pangkalan data).

c) Perkongsian data bersama penerima lain

Kami juga berkongsi Data Peribadi anda bersama:

- akauntan, juruaudit, peguam atau penasihat profesional lain apabila kami meminta mereka untuk memberikan nasihat profesional;
- mana-mana pihak ketiga yang lain jika kami berkewajiban untuk mendedahkan atau berkongsi Data Peribadi anda untuk mematuhi kewajipan undang-undang, atau untuk melindungi hak, harta dan/atau keselamatan CooperVision, mana-mana Ahli Gabungan, kakitangannya dan lain-lain;
- mana-mana pihak ketiga lain menuruti syarat-syarat mahkamah, pihak pengawalselia atau agensi kerajaan, contohnya, mematuhi perintah mahkamah atau bertindak menuruti undang-undang atau peraturan yang berkenaan;
- polis dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain yang berkaitan dengan pencegahan dan pengesanan jenayah;
- pelabur dan pihak ketiga lain yang berkenaan sekiranya ada penjualan atau transaksi korporat berpotensi yang berkaitan dengan CooperVision dan/atau mana-mana Ahli Gabungannya; atau
- pelanggan kami (seperti pakar optik dan/atau kakitangan kedai) untuk tujuan mengumpulkan produk kami. Sila ambil perhatian bahawa pelanggan kami (seperti pakar optik dan/atau kakitangan kedai) mungkin mengumpul Data Peribadi tambahan daripada anda secara langsung. Pelanggan hendaklah mematuhi keperluan privasi data di bawah undang-undang Malaysia. Anda harus kekal berjaga-jaga dan membaca kenyataan privasi mereka. Kami tidak mempunyai kawalan ke atas data peribadi yang anda serahkan atau terima daripada pelanggan dan kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa ketidakpatuhan oleh pelanggan berhubung dengan apa-apa keperluan data peribadi di bawah perundangan Malaysia.

F. PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANTARABANGSA

Pemindahan Data Peribadi anda kepada dan antara Ahli Gabungan, pembekal perkhidmatan atau penerima lain mungkin melibatkan Data Peribadi anda yang dihantar di luar Malaysia. Di mana kami memindahkan data peribadi di luar Malaysia kami akan melaksanakan perlindungan yang cukup dan sesuai untuk memastikan bahawa Data Peribadi tersebut akan dilindungi seperti yang dikehendaki oleh Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010.

Anda boleh meminta maklumat lebih lanjut mengenai perlindungan tersedia melalui butiran kenalan yang dinyatakan di Bahagian K (Bagaimana untuk Menghubungi Kami).

G. BERAPA LAMA KAMI MENYIMPAN DATA PERIBADI?

Dasar kami adalah untuk menyimpan Data Peribadi anda untuk jangka masa yang diperlukan untuk tujuan tertentu atau tujuan di mana data telah dikumpulkan (contohnya, untuk memenuhi perjanjian dengan anda). Walau bagaimanapun, kami mungkin berkewajiban untuk menyimpan sebahagian Data Peribadi untuk jangka masa yang lebih lama, dengan mempertimbangkan faktor-faktor termasuk:

- kewajiban undang-undang yang berkenaan untuk menyimpan data untuk jangka masa yang tertentu (contohnya, untuk mematuhi keperluan cukai dan perakaunan);
- penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang (contohnya, untuk tujuan pertikaian berpotensi).

Sekiranya anda ingin mengetahui berapa lama kami menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan tertentu, anda boleh menghubungi kami melalui butiran kenalan yang dinyatakan di Bahagian K (Bagaimana untuk Menghubungi Kami).

H. BAGAIMANAKAH KAMI MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA?

Kami melaksanakan langkah-langkah teknikal dan organisasi untuk melindungi Data Peribadi anda daripada risiko kehilangan, penyalahgunaan, atau perubahan atau kemusnahan yang tidak dibenarkan. Langkah-langkah tersebut mungkin merangkumi penggunaan *firewall*, enkripsi (jika sesuai), proses pengurusan hak akses, pemilihan prosesor dengan teliti dan langkah-langkah teknikal dan komersial lain yang wajar untuk memberikan perlindungan yang sesuai untuk Data Peribadi anda. Sekiranya sesuai, kami mungkin akan membuat salinan sandaran dan menggunakan cara lain untuk mengelakkan kerosakan atau kemusnahan secara tidak sengaja kepada Data Peribadi anda.

Walaupun bagaimanapun, harap maklum bahawa di mana anda menghantar maklumat kepada kami melalui internet, kami tidak dapat menjamin bahawa cara ini adalah 100% selamat. Bagi sebarang pembayaran yang kami ambil daripada anda dalam talian, kami akan menggunakan sistem pembayaran selamat dalam talian yang dikenali.

I. HAK ANDA

Bahagian berikut menerangkan hak perlindungan anda yang boleh anda gunakan. Hak-hak ini hanya boleh digunakan dalam situasi tertentu dan adalah dikenakan pengecualian tertentu. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk ringkasan hak anda. Anda boleh menggunakan hak ini melalui butiran kenalan yang dinyatakan di Bahagian K (Bagaimana untuk Menghubungi Kami).

- **Hak untuk dimaklumkan** – anda berhak untuk diberikan maklumat yang jelas, telus dan mudah difahami mengenai cara kami menggunakan data peribadi anda. Ini adalah mengapa kami menyediakan maklumat dalam Dasar ini dan mana-mana notis atau terma dan syarat perundangan yang diberikan kepada anda.
- **Hak akses** – anda mempunyai hak untuk mendapatkan pengesahan daripada kami sama ada atau tidak Data Peribadi anda diproses oleh kami dan mengenai maklumat tertentu (sama seperti yang diperuntukkan dalam Dasar ini) mengenai cara ia digunakan. Anda juga mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi anda, dengan meminta salinan Data Peribadi berkenaan anda. Ini adalah supaya anda sedar dan boleh menyemak bahawa kami menggunakan maklumat anda berpatuhi undang-undang perlindungan data. Kami boleh menolak untuk memberikan maklumat jika pemberian maklumat tersebut mungkin mendedahkan data peribadi orang lain atau membawa kesan negatif kepada hak orang lain.
- **Hak pembedahan** – anda boleh meminta kami mengambil langkah untuk membetulkan Data Peribadi anda jika ia tidak tepat atau tidak lengkap (contohnya, jika kami mempunyai nama atau alamat yang salah).
- **Hak untuk pemadaman** – ini juga dikenali sebagai "hak untuk dilupai" dan, dalam terma yang mudah, membolehkan anda untuk meminta penghapusan atau penyingkiran Data Peribadi anda di mana, sebagai contoh, tidak ada alasan bagi kami untuk terus menggunakannya atau penggunaannya adalah menyalahi undang-undang. Walau bagaimanapun, ini bukan hak umum untuk pemadaman dan terdapat beberapa pengecualian, sebagai contoh, di mana kami perlu menggunakan maklumat dalam pembelaan tuntutan guaman atau tujuan mematuhi kewajipan perundangan.
- **Hak untuk menghalang pemrosesan** – anda berhak untuk "menghalang" atau menyekat penggunaan Data Peribadi anda apabila kami menilai permintaan pembedahan atau sebagai alternatif kepada pemadaman. Apabila pemrosesan adalah terhad, kami masih boleh menyimpan Data Peribadi anda selama yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, tetapi tidak boleh menggunakannya lagi.
- **Hak untuk menarik balik persetujuan** – di mana kami memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, pengeluaran tersebut tidak menjejaskan kewajipan pemrosesan yang berlaku sebelum pengeluaran tersebut. Secara khusus, anda mempunyai hak untuk meminta kami tidak menggunakan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran. Jika anda tidak lagi ingin menerima mesej pemasaran daripada kami, anda boleh meminta untuk menarik balik kebenaran anda dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan dalam Bahagian K (Bagaimana untuk Menghubungi Kami), atau jika berkenaan, menggunakan kemudahan berhenti melanggan yang terkandung dalam mesej pemasaran.

J. PAUTAN PIHAK KETIGA

Laman web kami mungkin merangkumi pautan ke laman web pihak ketiga, *plug-ins* dan aplikasi. Mengklik pada pautan tersebut atau mengaktifkan sambungan tersebut membolehkan pihak ketiga untuk mengumpulkan atau berkongsi data mengenai anda. Kami tidak mempunyai kawalan ke atas laman web pihak ketiga tersebut dan tidak bertanggungjawab terhadap cara-cara mereka mengendalikan Data Peribadi anda. Apabila anda meninggalkan salah satu laman web, kami menggalakkan anda membaca notis privasi setiap laman web yang anda lawati.

K. BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Dasar ini atau cara-cara kami menggunakan Data Peribadi anda atau jika anda ingin menggunakan mana-mana hak yang disenaraikan dalam Bahagian I, anda boleh menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan Kami di:

Nombor telefon: (603) 2080 8488

Alamat e-mel: dpo@coopervision.com